

27 APR 2002

PALESTIN: PEMUDA SERAH 50,000 TANDA TANGAN SOKONG USAHA PM

KUALA TERENGGANU, 27 April (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Terengganu hari ini menyerahkan lebih 50,000 tanda tangan rakyat negeri ini sebagai menyokong usaha kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menangani isu Palestin.

Ketuanya Din Adam menyerahkan tanda tangan yang dikumpulkan sejak seminggu lepas kepada Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh di perkarangan bangunan Umno negeri di sini.

Kira-kira 300 anggota pergerakan itu, termasuk yang membawa sepanduk menyokong perjuangan menyelamatkan rakyat Palestin daripada serangan Israel, hadir pada majlis itu.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Din berkata tanda tangan itu dikumpul oleh Pemuda Umno setiap bahagian dan dibawa bersama-sama konvoi berkereta ke semua bahagian di sini hari ini.

Menurutnya kawasan kubu PAS turut memberi sokongan kepada mereka dengan ada yang membunyikan hon kereta dan memberikan tepukan gemuruh.

Din berkata tanda tangan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir sebelum beliau ke Amerika Syarikat pada Mei ini.

Malam ini, Badan Perhubungan Umno Terengganu mengadakan Perhimpunan Selamatkan Palestin yang turut dihadiri Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra, serta kira-kira 10,000 rakyat di sini.

--BERNAMA

AYB MRA NAK